

31/08/2001

Malam Puisi Islam istimewa

Salbiah Ani

KEBIMBANGAN kemungkinan Dewan Muktamar, Pusat Islam, Kuala Lumpur, akan kosong ketika berlangsungnya acara Malam Puisi Islam Peringkat Kebangsaan 2001 pada malam 24 Ogos lalu lenyap apabila melangkah ke pintu masuk.

Hampir 90 peratus daripada Dewan Muktamar yang mampu mengisi 1,500 khalayak penuh dan lebih membanggakan khalayak kali ini bukan saja dari semua peringkat usia tetapi juga keturunan.

Inilah kali pertama Malam Puisi Islam Peringkat Kebangsaan 2001 bertema Menebali Silaturahmi Ummah - Memperkasa Agama anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Berita Harian Sdn Bhd (BHSB).

Sasterawan Negara (SN), Datuk A Samad Said, memulakan tirai majlis Malam Puisi Islam dengan petikan daripada karyanya, Al-Amin (Riwayat Hidup Rasulullah saw Dalam Puisi) yang mengambil masa hampir empat tahun untuk disiapkan.

"Petikan ini menggambarkan bagaimana Abu Jahal yang marah bertambah marah apabila Umar al-Khatab ingin menentang Rasulullah saw kemudiannya berubah hati," katanya memulakan bicara.

...Tak diketahui khabar apa, Abu Jahal, girang, menanti berita cepat segala menjadi ribut, keruh alam, gelora diri kerana yang tersampai terlalu parah bagi para pembenci Rasulullah saw dan datangnya ini dari anak buah seperti meracun dirinya.

Bongkas dan murkanya ibu api, dari paras, dari tindak, marak dari kata, dari jerkah gugah yang dendam gelegak tak bersudah.

Diterjahnya pintu, dalam marah berganda, dihalaunya Umar tidak ada ruang bagi Islam, baginya, Abu Jahal sudah menentukan.

Pedih diri ke dalam batin, Abu Sufian, sama penentang, berang. Inilah berita akhir satu kekalahan bagi mereka, dan tak disangka dari Umar puncanya, kerana percayanya terlalu berakar, ia sedia bersolat di hadapan khalayak, keberanian yang yakin, dan ia percaya tanpa berganjak, penentangan paling terbuka bagi paman, Abu Jahal, dan temannya. Sesuatu terlalu meluka. Dibawa apa kau dari sana, jerit Abu Jahal, rasukan apa, jelas perubahan dan perpindahan Umar, amat mendadak, tak diterima...

Penyair veteran Zurinah Hassan, membawa kelainan pada majlis Malam Puisi Islam apabila beliau membawa petikan Gurindam 12 karya pengarang agung Melayu, Raja Ali Haji.

Zurinah memilih fasal 7 dan 12 daripada Gurindam 12 yang berkisar kepada keperibadian sebagai manusia berpekeriti mulia dan persoalan kepemimpinan negara yang antaranya berbunyi:

...Apabila banyak berkata-kata
Di situlah jalan masuk dusta.
Apabila banyak berlebih-lebihan suka
Itu tanda hampiri duka.
Apabila kita siasat
Itulah tanda pekerjaan hendak sesat.
Apabila anak tidak dilatih
Jika besar bapanya letih.
Apabila banyak mencacat orang
Itulah tanda dirnya kurang.
Apabila mendengar akan khabar
Menerima hendaklah sabar...

Zurinah yang nampaknya begitu lega sebaik selesai pembacaan Gurindam 12,

entah bagaimana tersilap arah apabila menuju ke hujung pentas mencari anak tangga tetapi nasibnya baik kerana segera menyedari kesilapannya.

Bekas Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Muhammad Bukhari Lubis, tampil dengan puisi bahasa Arab, Parsi dan Turki, siap diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

Puisi pertama berjudul Palestini karya Harun Hasim Rasif bermaksud Perang Palestin dibacakan dalam bahasa Arab mengajak khalayak Malam Puisi Islam berkongsi suka- duka bangsa itu tertindas di bumi sendiri.

Puisi ahli sufi, Jalaluddin Rumi, berjudul Dendangan Seruling dibacakan dalam bahasa Parsi, manakala karya ahli sufi, Yunus Emree Qarosaqiro, berjudul Sungai Syurga Mengalir dibacakan dalam bahasa Turki.

Pasangan bapa dan anak, Sazalee Yaacob dan Iz Taufik Sazalee, yang datang dari Kelantan, menunjukkan keserasian mereka sebagai deklamator kerana dapat dikesan persamaan kedua-dua mereka dalam menyampaikan puisi.

Sazalee memilih Menjaring Kebeningan Wahyu-Mu karya Mohammad Hadir Nor D, manakala Iz Taufik yang pernah beraksi di depan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendeklamasikan puisi ayahnya, Sementara Menunggu Gedup Senja Bergema.

Iz Taufiq yang berbaju Melayu cekak musang sedondong lengkap bersamping songket dan bersongkok hitam menghafal puisinya serta mendeklamasikannya dengan suara lantang dan selamba.

Jaguh Sayembara Deklamasi Puisi Kebangsaan, Ahmad Shukri Abdullah, memulakan bicaranya dengan memetik ayat 224 hingga 227 daripada surat Asy Syu'araa, berkisar mengenai penyair.

Beliau mendeklamasikan puisi karyanya berjudul Bahasa Marshita berkisar sekitar kemantapan iman wanita penyikat rambut anak Firaun yang terus beriman kepada Allah swt meskipun diseksa pemimpin zalim.

Ahmad Syukri juga sempat berkongsi Doa Subuh karya Rahimidin Zahari yang mendapat hadiah sagu hati dalam Hadiah Sastera Berunsur Islam Ke-10, meskipun digiat pengacara majlis, Borhan Mat Zain, 'orangnya kecil tapi suaranya besar'.

Ketua Unit Pembangunan Sastera dan Budaya BHSB, Wan Omar Wan Ahamed atau lebih dikenali nama pena, Sutung Umar RS, menggemparkan Dewan Mukhtamar dengan puisi kegemarannya, Kata Aku Pada Kau dan Riwayat Satu.

Corak pembacaan dengan suara lantang dan seperti tidak mengambil nafas serta perkataan dalam puisinya menyebabkan sebahagian besar khalayak tercuik gembira tetapi akhirnya ada yang melatah kerana terkejut dengan laungan akhir Hah.

A Rahim Abdullah muncul pentas sekadar memberi salam dan terlupa membaca judul puisinya, Malu Aku Menjadi Penyair manakala Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah mendeklamasikan Dialog Makrifat dan Surat Wasiat Kemala Untuk Bangsa Melayu.

Panglima drama, Kalam Hamidi, yang popular dengan skrip dramanya Anak Nazar Tujuh Keramat mencuri perhatian khalayak Malam Puisi Islam melalui karyanya, Falsafah Alif, Ba dan Ta.

"Saya akan bacakan puisi ketika saya mula-mula masuk ke kelas bacaan jawi berjudul Falsafah Alif, Ba dan Ta. Alif membawa maksud aku, ba (bodoh) dan ta (tolol)," katanya ketika memulakan bicara.

Kalam benar-benar bertenaga bukan saja memasukkan unsur teater dan lagu, khususnya dondang sayang, ketika mendeklamasikan puisi panjang itu menyindir orang Melayu.

Pesan Kalam orang Melayu Malaysia mungkin merempat di negara sendiri sekiranya Umno dan Pas terus berperang bukan saja wajar direnungi ahli politik tetapi juga seluruh umat Melayu.

...Kalau waris Hang Tuah jadi iman

Imam waris Jebat tidak mahu duduk di baris belakang

Pantang makan satu hidangan

Ayam mati kelaparan di jelapang padi
Itik mati kehausan di kolam mandi
Kalau Hang Tuah bangun dari kubur
Melayu semua masuk lubang kubur
Yang tinggal hanya tiga Melayu
Alif adalah Utusan Melayu
Ba adalah baju Melayu

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, memeranjatkan khalayak Malam Puisi Islam dengan puisi yang digarap isterinya, Datin Latipah Abdullah, berjudul Sebuah Perjalanan.

Sebuah Perjalanan berkisar kepada liku-liku kehidupan Abdul Hamid yang bermula daripada seorang guru, pegawai di Kementerian Pertahanan dan kini menjawat jawatan menteri.

...Sesungguhnya pada detik ini cabaran bergelora
Keikhlasan, ketulusan, ketelusan, hala tuju utama
Kewujudan hakikat kebenaran mahu ditegakkan
Peduli apa pada halangan, rintangan, tentangan
Dikisah apa pada hasutan, ugutan, sogokan,
Kutepis tiap satunya
Kuhakis hingga ke dasarnya
Walau ada mata sinis memandang
Ada wajah mencuka berdendam
Ada bibir mempersenda dalam tawa
Mungkin ada tindak di luar jangka duga
Persetan semuanya!

Borhan sempat mengusik sekiranya Abdul Hamid cergas mendeklamasikan puisi, maka penyair negara ini mungkin tidak akan berpeluang lagi untuk beraksi di pentas deklamasi.

Tidak ketinggalan majlis turut diserikan persembahan nasyid Kumpulan al-Ajibah dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK) yang menyanyikan Kurnia Ilahi dan Pedoman, lirik oleh Dr Hatta Azad Khan manakala lagu, Roslan Imam serta bacaan al-Quran, Ahmad Tarmizi Abdul Rahman.

Turut hadir Pengarang Kumpulan BHSB, Datuk Ahmad Rejal Arbee, Ketua Pengarah Jakim, Shahir Abdullah dan Pengarang Kumpulan BHSB, Mior Kamarul Shahid.

Tentunya hasrat memartabatkan Islam melalui seni khususnya puisi di negara ini dapat dicapai pada masa depan jika sokongan berterusan daripada semua pihak.

(END)